



Dari kiri; Azli Puddin, Prof Ir Dr Amir Hashim Mohd Kassim dan Tony Azman Hassan melihat Piala Timbalan Perdana Menteri yang bakal jadi rebutan.

# Misi sukar pertahan kejuaraan

**TURUN** selaku tuan rumah, peserta pencak silat negara tidak seharusnya melepaskan peluang keemasan merangkul gelaran berganda di Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri (TPM) Edisi ke-3, tahun ini.

Ini kerana, Malaysia muncul juara keseluruhan pada kempen tahun lalu bagi kategori institusi pengajian tinggi antarabangsa.

Begitu pun, Pengurus Pusat Sukan,

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Azli Puddin berkata, misi kali ini sedikit sukar apabila pasukan Singapura dan Vietnam bakal beri tantangan sengit.

Malah katanya, penyertaan buat julung kali dari negara barat seperti Belanda, Belgium dan United Kingdom juga wajar diberi keutamaan.

“Sasaran kita adalah mempertahankan gelaran. Ia tampak mudah, namun kita tidak boleh menda-

bik dada. Saya difahamkan, pasukan Singapura giat menjalani latihan rapi untuk kejohanan tahun ini,” katanya di sebuah hotel di ibu negara semalam.

Seramai 600 peserta bakal bertemu pada kejohanan yang diadakan di Pusat Square One, Batu Pahat mulai 17 September hingga 22 September ini.

Sandaran pastinya dipikul Zaiton A/P Koang selepas muncul Pesilat Terbaik Piala TPM Edisi 2, baru-baru ini.